


IQRA'

BIL. 9/2025
SEPTEMBER



Lawatan Sambil Belajar ke Perpustakaan Cendekiawan Beri Gambaran Suasana Pembelajaran di Universiti

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris, Pembantu Pustakawan Kanan

Kampus: Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun UiTM Cawangan Terengganu

Tarikh : 8 September 2025

Masa : 12.30 tengah hari dan 1.00 petang

Lokasi : Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun UiTM Cawangan Terengganu



Lawatan sambil belajar para pelajar sekolah dan kolej vokasional ke perpustakaan merupakan salah satu agenda dalam program misi akademik ke UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT). Ini merupakan salah satu pendekatan berkesan dalam memberi pendedahan awal kepada para pelajar sekolah menengah mahupun kolej vokasional tentang suasana dan ekosistem pembelajaran di peringkat universiti. Dalam usaha menyemai minat terhadap ilmu pengetahuan serta memperkukuh budaya pembacaan dan pencarian maklumat, lawatan ini memberi peluang kepada semua peserta lawatan untuk mengenali peranan perpustakaan akademik sebagai pusat rujukan, penyelidikan dan pembangunan ilmu. Perluasan akses dan penggunaan perkhidmatan mahupun kemudahan kepada komuniti luar kampus juga meningkatkan keterujaan para pelawat yang hadir ke perpustakaan untuk pelbagai tujuan ilmu.

Perpustakaan Cendekiawan telah menerima kunjungan lawatan dari pelajar sekolah-sekolah Wilayah Ketengah, Terengganu, dan pelajar Kolej Vokasional Dungun, Terengganu, pada 8 September 2025, dengan membawa tujuan yang sama iaitu mendapatkan gambaran sebenar suasana persekitaran pembelajaran di perpustakaan universiti; fungsi, perkhidmatan, kemudahan, koleksi bercetak dan digital.

Sebagai meraikan usaha membudayakan ilmu, pihak Perpustakaan Cendekiawan sentiasa terbuka menerima kunjungan lawatan daripada organisasi, sekolah mahupun universiti untuk berkongsi perkhidmatan, kemudahan, dan akses digital kepada semua. Semoga sesi perkongsian pada lawatan dari delegasi yang hadir ini dapat memberi inspirasi, menyuntik semangat dan motivasi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di institusi pengajian tinggi, dan khususnya di UiTM.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my